

konvokesyen ini diadakan.

"UUM memberi peluang kepada graduan terlibat mengambil transkrip dan skrol mereka di Dewan Tan Sri Othman. Mereka juga diberi peluang mengambil gambar di dewan untuk kenangan.

"Kami sudah merancang sebaik mungkin untuk majlis konvokesyen ini tetapi apakan daya, keadaan tidak mengizinkan. Jika diteruskan juga, kemeriahannya tidak sama dan paling utama, keselamatan semua terlibat," katanya lagi.

Sementara itu, Leng Chih Ying, 23, graduan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi, risau apabila hujan tidak berhenti dan tidak dapat tidur lena.

"Saya sedikit kecewa apabila mendapat berita menyatakan konvokesyen sesi kelima dan keenam kali ini terpaksa ditangguhkan. Walaupun kecewa, tetapi saya akur dengan keputusan dibuat selepas mendapat penjelasan daripada Naib Canselor," katanya.

Hasrat Mohamed Saballah Taib, 55, untuk melihat anaknya menaiki pentas menerima ijazah tidak kesampaian apabila mendengar berita penangguhan itu.

"Memang saya kecewa tetapi redha dengan keputusan dibuat pihak UUM demi keselamatan semua terbabit. Saya berharap pihak UUM dapat menentukan tarikh yang lebih sesuai untuk mengadakan majlis konvokesyen ini," katanya.

Habis.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT